Sebelum lanjut pengajian ke peringkat matrikulasi sesi 2013/2014

823 pelajar ikuti Tamhidi USIM

Oleh MOHAMMAD YASIR JAAFAR
utusanN9@utusan.com.my

SEREMBAN 12 Jun - Sebanyak 823 lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) mendaftar mengikuti program Tamhidi Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) sebagai syarat melanjutkan pengajian ke peringkat matrikulasi bagi sesi 2013/2014 di sini baru-baru ini.

Timbalan Pendaftar Bahagian Hal Ehwal Pelajar USIM, Nasrul Hakim Ahmad berkata, kumpulan tersebut merupakan pengambilan terbesar bagi pelajar matrikulasi di USIM di bawah program berkenaan.

"Pusat Tamhidi menawarkan lima pilihan program pengajian kepada penuntut iaitu Perubatan, Pergigian, Sains dan Teknologi, Syariah dan Undang-Undang serta Perakaunan yang mana kesemuanya di peringkat matrikulasi.

"Selepas proses pendaftaran, kesemua pelajar baharu itu diwajibkan mengikuti program Minggu Ta'aruf selama tiga hari," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Menurutnya, Minggu Ta'aruf itu bertujuan bagi membolehkan pelajar menjalani proses suai kenal, selain memberikan pendedahan berhubung pelbagai perkara berkaitan pembelajaran dan kehidupan di kampus.

"Minggu ini juga merupakan salah satu inisiatif bagi memperkenalkan pelajar kepada pengurusan, persekitaran dan kemudahan di USIM," ujarnya.

Jelasnya, antara pengisian utama minggu berkenaan ialah Majlis Amanat dan Lafaz Ikrar Pelajar Baru bersama Naib Canselor, Prof. Datuk Dr. Asma Ismail.

Turut hadir Pengerusi Lembaga Pengarah USIM, Prof. Emeritus Tan Sri Dr. Abdul Shukor Husin.

Katanya, pihak universiti merakamkan jutaan tahniah dan terima kasih kepada ibu bapa dan keluarga yang membantu melicinkan proses pendaftaran para pelajar baharu ini ke USIM.

PELAJAR baharu Universiti Sains Islam Malaysia mendaftar untuk mengikuti program Tamhidi di universiti itu di Nilai, Negeri Sembilan, baru-baru ini.